

B Pemahaman

Pemahaman Teks

Praktis PT3 Sajak – Aku

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tidak ada manusia lain
di pantai ini
kecuali diriku.

Kusur pasir panjang
sambil kubayangkan
aku ini Adam.

Hari inilah aku tercipta
dan pertama kali melihat
laut, langit, dan pohon.

Kelmarin aku belum ada
tidak terdengar olehku
bunyi ombak itu.

Tidak terasa olehku
sentuhan angin ini
bertiup di mana-mana.

Bahkan aku tidak tahu
kulit kerang dan ru
pernah wujud di sini.

Tuhan
aku percaya Kau Pencipta
kerana aku baru ada.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin
Berterima Kasih*, Tingkatan 1)



Nota SMART

Gaya Bahasa

- Pemilihan kata-kata yang menarik, indah, dan kreatif dalam sesebuah karya.
- Contoh gaya bahasa:
 - (a) simile
 - (b) imejan
 - (c) inversi
 - (d) metafora
 - (e) hiperbola
 - (f) sinkope
 - (g) repetisi

1. Yang berikut merupakan objek yang dilihat oleh penyajak buat kali pertama sewaktu menyusuri pantai, kecuali

A laut. C pokok.
B langit. D kulit kerang.

Tuhan
aku percaya Kau Pencipta
kerana aku baru ada.

2. Apakah mesej yang terdapat dalam rangkap di atas?

A Pengarang bersyukur menjadi makhluk yang mulia.
B Pengarang sedar bahawa Tuhan yang mencipta alam.
C Pengarang berterima kasih kerana telah dilahirkan ke dunia.

- D Pengarang yakin bahawa Tuhan yang mencipta manusia.

3. Ciri-ciri sajak berikut terdapat dalam sajak *Aku*, kecuali

A berbentuk terikat.
B bernada romantik.
C mempunyai tujuh rangkap.
D rima akhir rangkap pertama ialah *a, b, c*.

Kusur pasir panjang

4. Gaya bahasa bagi baris sajak di atas ialah

A sinkope.
B metafora.
C hiperbola.
D personifikasi.

Praktis PT3 Cerpen – Kuih Bakul Limau Mandarin

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Kebetulan pada hari itu, Lim Meng yang baru balik dari sekolah nampak Lim Foong terkapai-kapai kerana lemas. Lim Meng cuba turun untuk menolong menyelamatkan Lim Foong tapi dia pula yang lemas. Dia dah tak menghiraukan keselamatannya lagi asalkan abangnya selamat. Mujur Sudin ada di situ. Dialah yang menyelamatkan Lim Meng. Sudin tak mengira Lim Foong itu bangsa apa, agama apa untuk ditolongnya. Dia ikhlas menolong Lim Meng tapi sayangnya dia tidak sempat menyelamatkan Lim Foong.” Sim Pau menangis lagi mengingatkan peristiwa lama itu.

“Kau tak pernah terfikir bagaimana kedai kau boleh terbakar? Ada orang nampak orang yang mengejar Lim Foong itulah yang membakar kedai kau. Lim Foong lari daripada membayar hutang. Jadi, cara mereka nak membalas dendam, mereka bakar kedai kau. Kerana judi, semuanya menjadi huru-hara.”

“Dari mana kau tahu semua ini, Sim Pau?” Lim Pooi kembali bersuara.

“Dah lama aku tahu tapi aku sengaja tidak mahu hebohkan. Aku tak mahu bagi tahu kau. Aku nak tengok sejauh mana ego kau tu.”

“Maafkan aku, Sim Pau. Aku tak tahu semua ini. Aku terlalu sayang akan Lim Foong hinggakan aku tak dapat menilai semua ini. Aku berdosa.”

“Bukan dengan aku. Tapi dengan Lim Meng.”

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)



Watak

- Pelaku dalam sesebuah karya yang menggerakkan cerita dengan cara berinteraksi sesama watak dan alam.

Perwatakan

- Pelukisan tentang watak dari aspek luaran atau dalaman.

1. Bagaimanakah Lim Foong meninggal dunia?
A Mati lemas
B Mati dijerat
C Mati dibakar
D Mati dibunuh
2. Mengapakah Lim Pooi memohon maaf daripada Sim Pau?
A Lim Pooi telah jatuh sakit.
B Lim Pooi telah sedar akan kesilapannya.
C Lim Pooi mahu merapatkan ikatan silaturahim dengan Sim Pau.
D Lim Pooi merancang hendak membalas dendam terhadap Lim Meng.
3. Yang berikut merupakan persoalan yang terdapat dalam petikan di atas, **kecuali**
A berani kerana benar.
B peranan ketua keluarga.
C judi merosakkan masyarakat.
D tolong-menolong sesama insan.
4. Berdasarkan petikan cerpen, yang manakah **bukan** perwatakan Lim Pooi?
A Pilih kasih
B Penghasut
C Pendendam
D Bertindak mengikut perasaan